

16 MAY 1997

Anwar - Zin

ANWAR TELAH BINCANG DENGAN DR MAHATHIR MENGENAI KETUA MENTERI MELAKA

PEKAN, 16 Mei (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibarhim hari ini berkata beliau telah mengadakan beberapa perbincangan dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berhubung pelantikan Ketua Menteri Melaka yang baru.

Bagaimanapun, katanya, beliau menyerahkan kepada Dr Mahathir untuk membuat keputusan mengenainya.

"Jika Dr Mahathir sedang bercuti semasa pengumuman Ketua Menteri baru itu hendak dibuat, saya akan membuat pengumuman itu," kata Anwar kepada pemberita selepas menghadap Sultan Pahang Sultan Ahmad Shah di Istana Abu Bakar di sini.

Terdahulu, beliau menunaikan solat Jumaat di Masjid Padang Polo di sini bersama-sama Menteri Pendidikan Datuk Seri Najib Tun Razak.

Anwar berada di Pahang kerana melancarkan Hari Guru peringkat kebangsaan di Kuantan pagi tadi.

Semalam, Dr Mahathir berkata Anwar boleh melantik Ketua Menteri Melaka yang baru berikutan kematian Datuk Seri Mohd Zin Abdul Ghani.

Dr Mahathir telah berkata disebabkan beliau akan bercuti selama dua bulan tidak lama lagi, pelantikan Ketua Menteri yang baru itu boleh dibuat oleh Anwar.

Mohd Zin meninggal dunia di Hospital Tawakal, Kuala Lumpur Rabu lepas setelah tidak sedarkan diri sejak diserang angin ahmar pada 11 Mei.

Di MELAKA, Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan Umno Melaka Datuk Mohd Ali Rustam berkata mereka akan menyokong pilihan pucuk pimpinan parti bagi jawatan Ketua Menteri.

Ketika dihubungi oleh pemberita hari ini, Ali yang juga Timbalan Menteri Pengangkutan berkata pemilihan Ketua Menteri yang baru adalah kuasa penuh Perdana Menteri.

Setiausaha Badan Perhubungan Umno Negeri, Datuk Sahar Arpan pula berkata mesyuarat badan perhubungan itu yang dijadualkan berlangsung dalam masa seminggu ini akan membincangkan persiapan bagi pilihan raya kecil kerusi Dewan Undangan Negeri kawasan Melekek yang dulunya diwakili oleh Mohd Zin.

Beliau berkata mesyuarat itu merupakan mesyuarat biasa yang turut akan membincangkan hal semasa. --BERNAMA

AZ MOZ MAI